

31/08/2003

MSC sudah kecapai kejayaan cemerlang

Khairul Anuar Abdul Samad

AWAL Ogos lalu, genap tujuh tahun usia Koridor Raya Multimedia (MSC). Walaupun baru `setahun jagung' operasinya, kejayaan dikecapi melebihi sasaran asal.

Sehingga 11 Ogos lalu, ada 914 syarikat berstatus MSC yang mana 876 daripadanya syarikat teknologi MSC manakala 29 institusi pengajian tinggi dengan status MSC dan sembilan pula syarikat inkubator.

Kejayaan mencatat lebih 800 syarikat berstatus MSC berbanding sasaran awal hanya untuk mencapai 500 syarikat menjelang 2003 adalah kemenangan besar kepada Malaysia sekali gus tamparan hebat kepada pengkritik projek itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan bangunan Ericsson@MSC yang bernilai RM80 juta di Cyberjaya, baru-baru ini dengan bangga menegaskan bahawa itu adalah kejayaan besar kepada MSC.

Dr Mahathir menegaskan, golongan yang meragui projek mega kerajaan itu sebagai projek `Gajah Putih', kini terpaksa menelan kata-kata mereka sendiri.

Dengan sindiran sinis beliau berkata: "Jika itu bukan kejayaan, jadi apakah makna kejayaan?"

"Kami sudah biasa dengan orang berkata kepada kami bahawa apa yang kami buat adalah silap tetapi terbukti mereka terpaksa menelan kata-kata mereka sendiri kemudiannya. Kerajaan tidak begitu bimbang dengan golongan seperti itu."

MSC yang membabitkan pelaburan kira-kira RM48 bilion, merangkumi kawasan seluas 750 kilometer persegi bermula daripada Kuala Lumpur City Centre (KLCC) hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, tersedia dengan prasarana maklumat dan fizikal bertaraf dunia selain disokong sistem rangkaian logistik dan telekomunikasi berkapasiti tinggi bertaraf dunia pada tulang belakang optik gentian 2.5 hingga 10 gigabits (Gbs).

MSC dibangun berasaskan kejayaan Lembah Silikon di Amerika Syarikat namun ia lebih berciri tempatan iaitu menggunakan tenaga mahir dan penghasilan produk tempatan.

Banyak pihak tidak yakin dengan keupayaan Malaysia dalam bidang berteknologi tinggi ter-utama kepada `pengasasnya', Dr Mahathir. Namun akhirnya, `Malaysia Boleh!'

Tidak ramai tahu bagaimana sukarnya Dr Mahathir berusaha merealisasikan MSC daripada satu konsep kepada kenyataan.

Harus diingat, ketika MSC masih di peringkat konsep lagi, Dr Mahathir adalah orang yang bekerja keras `berlari ke sana, ke sini, ke hulu ke hilir' meminta bantuan dan nasihat pakar di seluruh dunia. Malah, beliau sendiri membawa kertas cadangannya mengenai MSC itu ke UCLA dan Universiti Stanford untuk mendapatkan penilaian daripada pakar untuk mencari kelemahannya.

Namun, pengkritik dengan mudah melemparkan kata dusta terhadap perkembangan MSC. Pernah satu ketika, lidah rasmi parti pembangkang (Pas), Harakah, memuatkan tajuk muka depannya dengan `MSC Boleh Lumpuh', apabila salah seorang ahli dalam Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) iaitu Alvin Toffler akan keluar daripada menjadi ahli IAP.

Kini, pengkritik memang harus menelan balik kritikan masing-masing apabila lebih 18,000 pekerjaan diwujudkan di kawasan MSC dengan lebih 15,000 daripadanya disandang tenaga kerja yang dikategorikan sebagai

berpengetahuan.

Kajian itu juga mendapati permintaan lebih tinggi terhadap pekerja mahir iaitu 70 peratus berbanding siswazah yang baru lulus manakala 87 peratus diambil bekerja syarikat berstatus MSC adalah rakyat Malaysia, bakinya 13 peratus adalah rakyat asing, kebanyakannya dari India.

Minat syarikat asing bertapak di MSC khususnya Cyberjaya juga melambangkan MSC mempunyai daya tarikan kuat seperti banyak insentif menarik disediakan berbanding negara lain yang juga dikatakan mempunyai bandar raya berteknologi tinggi seperti MSC.

Negara lain yang mempunyai bandar raya berteknologi tinggi seperti MSC ialah Singapore One (Singapura); Cyberport (Hong Kong); Software Park (Thailand) dan Nusantara21 (Indonesia).

Berbanding negara berkenaan, MSC tetap menjadi tarikan utama sebagaimana DHL menempatkan pusat perkhidmatan maklumat Asia Pasifiknya di Cyberjaya. Pusat ini bertindak sebagai hub teknologi maklumat (IT) serantaunya bagi operasi DHL di Asia Pasifik dan Timur Tengah.

Ketua Pegawai Maklumat DHL, Stephen McGuckin menegaskan bahawa banyak manfaat daripada MSC seperti insentif istimewa disediakan yang berjaya menarik minat syarikat untuk memilih Malaysia dan bertapak di MSC.

"Sebelum ini, DHL membuat beberapa penilaian terhadap negara lain untuk menempatkan pusat bernilai RM200 juta ini dan negara itu termasuk Singapura, Filipina, Hong Kong and India. Namun, Malaysia dan MSC tetap jadi pilihan," katanya.

Selain DHL, antara syarikat antarabangsa lain yang bertapak di Cyberjaya ialah Ericsson dan HSBC yang masing-masing menubuhkan pusat serantau dan pusat perkhidmatan kumpulan. Syarikat terkemuka dunia lain ialah NTT Research dan Development; Microsoft Knowledge Capital Center; Alcatel; Lucent Technologies; Fujitsu; Oracle; Motorola Multimedia; Siemens; Shell Services International serta banyak lagi.

Berdasarkan kejayaan itu, MSC akan diperluaskan ke seluruh negara menjelang 2020 iaitu sebahagian daripada usaha pengembangan fasa kedua projek selepas berakhirnya fasa pertama.

Fasa kedua pembangunan MSC dijangka membabitkan tempoh enam tahun iaitu antara 2004 hingga 2010 berdasarkan matlamatnya menjelang 2020 nanti, seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak akan menjadi MSC.

Malaysia harus bangga dengan kewujudan MSC yang meletakkannya setaraf negara maju khususnya negara penggerak utama dalam industri teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) seperti Amerika Syarikat.

Walaupun kejayaan MSC itu tidak boleh dibandingkan dengan kecemerlangan Lembah Silikon, namun berdasarkan ciri mengikut acuan tempatan, ia satu permulaan loncatan yang amat cemerlang.

Kini, kejayaan MSC bukan lagi bahan momokan, malah direalisasikan kepada kenyataan yang mampu meletakkan rakyat serta negara sama taraf dalam perubahan era IT masa kini.

Kalangan mereka yang iri hati dengan kemampuan Malaysia mewujudkan MSC sehingga ia mencapai kejayaan, harus bersikap profesional kerana melalui MSC berjaya meletakkan negara setaraf negara pakar dalam IT dunia.

Kata-kata bekas Pengerusi Eksekutif MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah mengenai MSC satu ketika dulu adalah tepat. Mungkin ia satu hikmah kepada kejayaan MSC masa kini.

"Kita mungkin menempuhi kegagalan pada beberapa bahagian, namun kita akan berjaya melakukannya."